

## A. SYARAT-SYARAT DAN TERMA

- 1 Pemohon yang ingin memohon diskaun pembayaran tol hanya dibenarkan untuk memohon satu kategori sahaja iaitu kategori Penduduk, Pekerja/ Pelajar atau Syarikat. Permohonan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - i) Kategori Penduduk (permohonan terbuka kepada kategori RFID e-Wallet)**
    - a Warganegara Malaysia;
    - b Berumur 17 tahun dan ke atas;
    - c Kad Pengenalan pemohon beralamat di Pulau Pinang;
    - d Tertakluk kepada satu kenderaan sahaja;
    - e Kenderaan yang didaftarkan adalah atas nama pemilik atau keluarga pemilik\*
  - ii) Kategori Pekerja/ Pelajar (permohonan terbuka kepada kategori RFID e-Wallet)**
    - a Warganegara Malaysia;
    - b Berumur 17 tahun dan ke atas;
    - c Bekerja di syarikat atau belajar di institusi yang beralamat di Pulau Pinang;
    - d Tertakluk kepada satu kenderaan sahaja;
    - e Kenderaan yang didaftarkan adalah atas nama pemilik atau keluarga pemilik\*
  - iii) Kategori Syarikat (permohonan terbuka kepada kategori Kad PLUSMiles)**
    - a Syarikat hendaklah mengemukakan surat rasmi menggunakan "Letter Head" yang beralamat di Pulau Pinang dan ditandatangani oleh pemilik Syarikat atau individu yang dilantik sahaja
    - b Tertakluk kepada maksima sepuluh kenderaan sahaja bagi setiap permohonan;
    - c Kenderaan yang didaftarkan adalah atas nama syarikat
    - d Terbuka kenderaan perdagangan seperti lori sahaja
    - e Syarikat yang diperakui dan daftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
    - f Syarikat yang beralamat dan beroperasi di Pulau Pinang seperti yang tertera pada dokumen dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

*\*NOTA: keluarga pemilik adalah terdiri daripada Ibubapa, anak atau suami isteri pemilik yang sah sahaja*

- 2 Setiap permohonan adalah tertakluk atas budi bicara PLUS dan PLUS berhak untuk menolak permohonan yang tidak mengikuti syarat-yang ditetapkan.
- 3 Pemohon yang layak akan mula menikmati kadar tol diskaun setelah mendapat kelulusan dari pihak PLUS dan pengaktifan dari Touch n Go Sdn Bhd.
- 4 Pemohon yang layak TIDAK BOLEH menukar dan/atau memindah diskaun kepada pihak lain.
- 5 Pemohon RFID e-Wallet yang layak tidak boleh memohon kad PLUSMiles diskaun 20%.
- 6 Kadar tol diskaun hanya sah laku untuk bayaran di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang sahaja bagi tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh pengaktifan diskaun.
- 7 Permohonan untuk penyambungan tempoh diskaun tol hanya boleh dihantar **tiga puluh (30) hari** sebelum tarikh tamat kuatkuasa diskaun. Sebarang penyambungan adalah tertakluk kepada syarat no.2 di atas.
- 8 Program kadar bayaran tol diskaun Jambatan Pulau Pinang adalah tertakluk kepada budi bicara pihak PLUS dan PLUS berhak untuk menamatkan diskaun tol dari semasa ke semasa.
- 9 Bagi kategori RFID e-Wallet, pengaktifan tag pada kadar diskaun tertakluk juga kepada semakan pihak Touch n' Go Sdn Bhd.

## B. SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN

- 1 Setiap permohonan perlu mengemukakan dokumen berikut mengikut kategori:
  - i) Kategori Penduduk**
    - a Salinan kad pengenalan pemohon;
    - b Salinan geran kenderaan;
    - c Salinan kad pengenalan pemilik kenderaan (jika memohon kategori RFID eWallet dan kenderaan tidak didaftarkan pada akaun pemohon);
    - e Surat Kebenaran yang telah lengkap dan salinan sijil perkahwinan atau surat beranak (jika pemilik kenderaan bukan atas nama pemohon);
  - ii) Kategori Pekerja/ Pelajar**
    - a Salinan kad pengenalan pemohon;
    - b Surat Pengesahan Majikan/ Institusi satu (1) bulan terkini (mempunyai talian nombor telefon dan email) dari tarikh permohonan dan surat rasmi yang menggunakan "Letter Head" syarikat;
    - c Salinan kad pengenalan pemilik kenderaan (jika RFID kenderaan tidak didaftarkan pada akaun pemohon);
    - d Salinan geran kenderaan;
    - e Surat Kebenaran yang telah lengkap dan salinan sijil perkahwinan atau surat beranak (jika pemilik kenderaan bukan atas nama pemohon);
  - iii) Kategori Syarikat**
    - a Surat rasmi syarikat yang menyatakan permohonan menyertai program diskaun ini beserta senarai nombor pendaftaran kenderaan syarikat yang ingin dimohon
    - b Salinan perakuan pendaftaran kenderaan (geran) atas nama syarikat yang memohon dan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia;
    - c Salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini dan terdiri daripada Borang D (Kumpulan 13) atau Borang E (Kumpulan 13)

## C. SEMAKAN DAN MAKLUM BALAS PERMOHONAN

- 1 Maklum balas permohonan dari pihak PLUS akan dilakukan melalui e-mel atau SMS mengikut kategori seperti berikut :
  - i) Kategori Penduduk - 3 hari bekerja
  - ii) Kategori Pekerja/ Pelajar - 7 hari bekerja
  - iii) Kategori Syarikat - 7 hari bekerja
- 2 Walaubagaimanapun, tempoh masa tertakluk kepada proses semasa dan dokumen yang diserahkan oleh pelanggan.

## D. KEAHLIAN PLUSMILES

- 1 Setiap pendaftaran ahli PLUSMiles yang berjaya telah bersetuju dengan Notis Privasi PLUS di <https://plusmiles.com.my/privacy-policy> perlu mengikuti syarat-syarat & terma ini.
  - 2 Untuk maklumat lanjut berkenaan Terma & Syarat PLUSMiles sila layari [www.plusmiles.com.my](http://www.plusmiles.com.my)
  - 3 Permohonan kategori individu bagi pelajar/pekerja atau penduduk tetap Pulau Pinang (bukan syarikat) perlu menjadi ahli PLUSMiles terlebih dahulu untuk meneruskan proses permohonan diskaun pembayaran tol 20%
  - 4 Hanya 1 permohonan diskaun pembayaran tol 20% yang lulus dibenarkan bagi setiap 1 akaun PLUSMiles bagi kategori individu bagi pelajar/pekerja atau penduduk tetap Pulau Pinang sahaja (bukan syarikat)
  - 5 Permohonan kategori syarikat tidak perlu menjadi ahli PLUSMiles
- Pengumpulan mata ganjaran PLUSMiles hanya diberikan kepada pengguna yang menggunakan Kad PLUSMiles atau Touch 'n Go buat ketika ini. Kami dalam proses memperluaskan pemberian mata ganjaran PLUSMiles kepada penggunaan RFID di sepanjang jajaran lebuh raya di bawah seliaan PLUS. Sebarang maklumat terkini akan kami maklumkan dari semasa ke

## E. KEMPEN JOM PAKAT TUKAR

- 1 Kempen ini hanya layak bagi pemegang kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG.
- 2 Kempen ini bermula pada 14 Disember 2020.
- 3 Syarat menyertai Kempen Jom Pakat Tukar:
  - a. Pemilik kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG atau wakil pemilik kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG yang mempunyai surat kebenaran untuk menyertai kempen ini.  
\*kad dimiliki oleh individu - wakil termasuk ibubapa, anak atau suami isteri yang sah sahaja  
\*kad dimiliki oleh syarikat - mempunyai kepala surat syarikat dan ditandatangani
  - b. Bawa kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG ke Pusat Khdimat Pelanggan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang
  - c. Berikan kad 20% diskaun PLUSMiles/ TnG untuk pengesahan kad oleh kakitangan PLUS  
Berikan maklumat seperti nama,no. kad pengenalan, nombor kad TnG lama, emel dan nombor telefon sebagai pengesahan.
  - d. Dapatkan kad PLUSMiles/TnG baru dan hadiah misteri anda dengan menyertai "Wheel of Fortune". 1 kad = 1 peluang untuk menyertai.  
\*kad PLUSMiles/TnG lama mestilah kad yang masih aktif  
\*\*Baki kad PLUSMiles/TnG lama akan dipindahkan ke dalam kad PLUSMiles/TnG baru. Kad PLUSMiles/TnG baru adalah tanpa 20% diskaun semasa melalui Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang.  
\*\*\*dengan memberikan maklumat anda, PLUS berhak untuk memadam rekod kad PLUSMiles lama yang didaftarkan di akaun PLUSMiles dan menambah-rekod kad PLUSMiles/TnG baru ke dalam akaun PLUSMiles.  
\*\*\*\*Dengan menyertai kempen ini, PLUS berhak untuk melupuskan kad PLUSMiles/TnG yang lama.
- 4 Jenis/saiz/nilai hadiah adalah bergantung kepada format cabutan bertuah sewaktu pemulangan kad di kaunter. Pihak PLUS berhak menukar atau menggantikan hadiah yang ditawarkan dengan hadiah yang lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis terlebih dahulu.